

Melaka: Seramai 20 individu, dengan 18 daripadanya anggota lima kumpulan jenayah terancang yang terbabit dengan pecah rumah serta curi membabitkan kerugian

kira-kira RM500,000, ditahan Bahagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Melaka Tengah menerusi Op Pintu bermula 1 Januari hingga 22 Jun lalu.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah Asisten Komisioner Christopher Patit berkata, 18 suspek itu menganggotai Geng Micheal, Geng Ruben, Geng Zahid, Geng Botak dan Geng ADC

20 individu terbabit jenayah pecah rumah, curi ditahan

manakala baki dua lagi suspek bergerak secara solo.

Kata Christopher, kesemuanya berusia 22 hingga 57 tahun dan mereka ditahan di lokasi berasingan di sekitar daerah ini.

“Dua anggota Geng Michael dan tiga anggota Geng Ruben yang terbabit dalam jenayah pecah stor kilang ditahan pada Januari lalu.

“Kumpulan terbabit menggunakan peralatan se-

perti kuku kambing, gergaji serta batang besi untuk memecah masuk stor kilang antara jam 1 hingga jam 5 pagi,” katanya pada sidang media di IPD Melaka Tengah di sini, semalam.

Christopher berkata, kumpulan kedua membabitkan Geng Zahid dan Geng Botak.

Masing-masing dianggotai dua dan tiga lelaki. Mereka terbabit dalam jenayah

pecah tabung rumah ibadat dan ditahan pada Februari serta Mei lalu.

“Tujuh lagi suspek adalah anggota Geng ADC. Mereka terdiri daripada empat lelaki serta tiga wanita dan terbabit dalam pecah rumah, juga curi kenderaan.

“Geng ADC bergerak menggunakan kereta curi dan melakukan jenayah antara jam 1 hingga jam 5 pagi,” katanya.



CHRISTHOPER (tiga dari kiri) pada sidang media kejayaan BSJD IPD Melaka Tengah memberkas 20 individu terbabit jenayah pecah rumah dan curi membabitkan kerugian kira-kira RM500,000 menerusi Op Pintu. - Gambar NSTP/MEOR RIDUWAN MEOR AHMAD